

14/10/1998

Singapura umpama negara parasit?

Ramzee Che Omar

HUBUNGAN Malaysia-Singapura adalah kompleks, didasari oleh emosi sejarah yang mendalam. Singapura dalam The Singapore Story-Memoirs Of Lee Kuan Yew digambarkan oleh beliau sebagai mangsa dan pihak yang pasif dalam tragedi pemisahan Malaysia-Singapura pada 1965. Menurut Lee Kuan Yew, Singapura ditendang keluar dari Persekutuan Malaysia kerana sikap paranoid orang Melayu dan ketegasan Singapura yang tidak mahu tunduk kepada kekuasaan Malaysia.

Mentaliti Lee dapat digambarkan sebagai bersikap kurang sopan dan juga 'escapism'. Kurang sopan - kerana berani melontar tuduhan kepada pemimpin negara yang sudah tiada lagi dan semestinya tidak dapat mempertahankan diri.

Sikap 'escapism' dapat diperjelaskan dengan beliau sering mendakwa sesuatu dengan memetik kata-kata pemimpin Malaysia dan luar negara yang tidak dapat dibuktikan kesahihannya.

Sebagai contoh, Lee menggambarkan orang Melayu sebagai golongan lemah serta pasif dan kenyataan ini beliau dakwa keluar daripada Tunku Abdul Rahman. Menurut Lee "Tunku mendakwa bapanya adalah orang lemah dan beliau mendapat kekuatan daripada ibunya yang berketurunan Siam. Orang Melayu kata Tunku tidak begitu bijak atau cerewet lalu mudah sekali untuk mengambil hati mereka. Apa yang diperlukan hanyalah memberi (rasuah?) mereka sedikit sahaja lebih dan mereka agak gembira.

Insiden melukakan parut lama oleh Lee ditambah dengan peristiwa mencerca Johor April tahun lalu dan isu kedaulatan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjung Pagar menambahkan lagi ketegangan antara dua negara.

Apabila Singapura keluar dari Persekutuan, ia bukanlah sebuah negara yang mundur tanpa apa-apa kemudahan dan infrastruktur seperti yang sering didakwa.

British sudah membangunkan infrastruktur yang moden dan maju di Singapura sehingga pelabuhan entrepotnya antara yang paling berjaya di dunia.

Singapura dengan pelabuhan termoden ketika itu berjaya memainkan peranan sebagai orang tengah kepada jirannya.

Sistem entrepot berkembang dengan jayanya sebagai orang tengah dalam pengedaran barangan mentah dan komoditi sehinggalah kini menjadi antara pusat kewangan terulung di dunia.

Pengurus dana lindung nilai (hedge fund) serta mutual fund dan spekulator mata wang menjadikan Singapura sebagai raiding center mereka.

Kita perlu faham bahawa ekonomi Singapura amat bergantung kepada kemakmuran jirannya terutamanya Malaysia dan Indonesia. Sesuatu insiden berlaku kepada jiran tetangganya akan menjejaskan fungsi Singapura sebagai pusat entrepot dan kewangan di Asia Tenggara.

Dalam konteks ini ternyata betapa tepat sindiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa Singapura selama ini hidup bergantung dengan derita orang lain. Singapura dibina dengan mengeksploitasi kelemahan jirannya.

Eksplorasi ini semakin mengecil dan kurang efektif apabila kemajuan yang dicapai oleh jirannya berjaya mengurangkan jurang kelemahan antara mereka.

Parasit adalah haiwan penumpang yang hidup dengan menghisap darah makhluk lain. Haiwan parasit tidak akan melampaui fungsinya sehingga

menjejaskan sistem ekologi dan haiwan yang ditumpang. Adakah Singapura boleh digambarkan sebagai negara parasit yang perilakunya melampau sehingga menjejaskan sistem ekologi kewujudannya sendiri?

Ini dapat dilihat melalui reaksi Singapura yang begitu melampau apabila Malaysia memperkenalkan dasar kewangan dan ekonomi yang unconventional.

Sekatan dagangan mata wang, kawalan modal dan sekatan terhadap dagangan saham Malaysia di Clob (Central Limit Order Book International) mendapat kutukan yang hebat dari pihak berkepentingan di Singapura.

Singapura menyedari bahawa dasar ini akan memberi kesan secara langsung kepada ekonomi dan kemakmuran mereka. Ini dapat diperjelaskan dengan sikap pengurus dana lindung nilai, mutual fund dan spekulator mata wang yang didasari oleh nilai sekawan (herd attitude).

Apabila berlaku perubahan dalam dasar atau berlakunya sesuatu insiden (yang diterjemahkan oleh mereka sendiri) sebagai buruk di sesebuah negara Asia Tenggara - ini dilihat oleh mereka sebagai menggambarkan seluruh ketidakstabilan Asia Tenggara.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Goh Chok Tong mendakwa usaha Malaysia memperkenalkan kawalan terhadap aliran modal dan menggalakkan penggunaan pelabuan tempatan satu usaha memiskinkan negaranya.

Beliau mendakwa ini menyebabkan pelabur menjauhkan diri dari Asia Tenggara. Beliau mengaku kemungkinan besar ekonomi Singapura merudum disebabkan faktor Malaysia.

Sekatan dagangan mata wang menyebabkan ringgit Malaysia tidak sah lagi digunakan di luar negara selepas 30 September memberi kesan kepada sistem perbankan dan kewangan Singapura.

Adalah dianggarkan sebahagian besar 25 bilion ringgit yang berada di luar negara berada di Singapura.

Sebahagian besar ringgit mengalir ke Singapura disebabkan tarikan kadar faedah tinggi yang ditawarkan oleh institusi kewangannya.

Ini menyebabkan dasar kewangan Bank Negara Malaysia yang ketat suatu ketika dahulu, di mana kadar faedah dinaikkan begitu tinggi untuk menstabilkan kadar pertukaran ringgit tidak begitu efektif.

Tindakan institusi kewangan Singapura menawarkan kadar faedah yang begitu tinggi disifatkan sebagai tindakan sabotaj dan mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan penderitaan orang lain.

Langkah Malaysia juga memberi kesan yang terhadap pasaran saham Singapura. Sekian lama Malaysia cuba meraih sokongan Singapura secara diplomatik menutup Clob, di mana majoriti urus niaga berkaitan dengan pasaran saham Malaysia.

Singapura enggan menutup Clob dengan mendakwa ia bertindak menambah kadar kecairan kepada pasaran saham Malaysia. Adalah dianggarkan 25 peratus dari urusniaga saham di Singapura membabitkan saham Malaysia.

Consensus Economics, perunding yang beribu pejabat di London meramalkan ekonomi Singapura secara purata akan hanya mencatatkan kadar pertumbuhan 0.2 peratus bagi 1999.

Merril Lynch membuat ramalan semula bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Singapura mencatat pertumbuhan negatif satu bagi 1999. Singapura kini menyedari kewujudan dan kemakmuran mereka amat bergantung kepada kestabilan politik dan ekonomi Asia Tenggara terutamanya Malaysia dan Indonesia.

Tindakan dan ucapan provokasi yang sering dilaungkan oleh pemimpin Singapura menjadi ingatan kepada rakyat negara parasit berkenaan daripada menjadi hamaj.

Hamaj ialah sejenis binatang kecil yang hidup dengan menghisap darah binatang seperti lembu dan yang sebagainya, yang akan mati setelah kenyang.

Tindakan dan ucapan provokasi ini! diharapkan dapat menggalakkan rakyat

Singapura menjadi lebih produktif dan kompetitif untuk sentiasa dapat mengalahkan negara jiran.

Malaysia di samping memperkenalkan dasar kewangan dan fiskal yang pragmatik, perlu meningkatkan daya saing dan produktiviti negara.

Sektor awam, swasta (pelabuhan) dan kewangan perlu meminimum birokrasi dan meningkatkan daya saing mereka untuk bersaing dengan Singapura. Ketika itu keperluan Singapura tidak relevan lagi.